



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj Kami : KKM.100-1/6/11 (43)

Tarikh : **30** Mac 2026

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

Semua Pegawai Pergigian Daerah

Semua Pemegang Lesen (Radiologi & Pergigian) di bawah Akta Tenaga Atom 1984
[Akta 304]

*YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/
YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,*

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 8 /2026:

PENETAPAN PERSONEL BERKELAYAKAN BAGI PENGENDALIAN PENJANA SINARAN DALAM PERKHIDMATAN PERGIGIAN DI BAWAH AKTA TENAGA ATOM 1984 [AKTA 304]

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan personel yang bertanggungjawab dalam pengendalian penjana sinaran jenis pergigian. Penetapan ini dibuat bagi memastikan semua pengendalian yang melibatkan penggunaan penjana sinaran pergigian dijalankan secara selamat, sistematik dan mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Akta 304.
- 1.2 Selain itu, pekeling ini juga memastikan bahawa pengurusan personel adalah selaras dengan keperluan semasa seterusnya memperkukuh sistem kawal selia, meningkatkan tahap keselamatan sinaran, serta melindungi pekerja, pesakit dan orang awam daripada risiko sinaran yang tidak disengajakan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan pesat teknologi penjana sinaran, penggunaan imej digital serta kemajuan teknologi pemprosesan imej berasaskan kecerdasan buatan (AI), kualiti radiograf kini dapat dipertingkatkan dengan lebih efisien melalui penggunaan dedahan radiasi yang lebih rendah berbanding kaedah konvensional.
- 2.2 Seiring dengan itu, kemajuan teknologi turut memperkukuh aspek pengendalian radas oleh personel melalui ciri automasi dan keselamatan terbina, yang dapat meminimumkan risiko pendedahan sinaran kepada pesakit dan personel serta mengurangkan potensi ralat pengendalian. Teknologi ini secara keseluruhan menyumbang kepada peningkatan kecekapan diagnostik dan pematuhan terhadap prinsip keselamatan sinaran yang diterima di peringkat antarabangsa.
- 2.3 Oleh yang demikian, keperluan perlesenan sedia ada berkaitan personel perlu disemak semula agar selaras dengan kemajuan teknologi dan keperluan regulatori semasa, demi memastikan sistem kawal selia kekal relevan, berkesan dan berdaya saing.

3. KEPERLUAN MENDAPATKAN KHIDMAT PERSONEL YANG BERKELAYAKAN BAGI PENGENDALIAN PENJANA SINARAN PERGIGIAN

- 3.1 Semua fasiliti pergigian awam dan swasta yang menyediakan perkhidmatan x-ray pergigian di bawah Akta 304 perlu mendapatkan khidmat personel berkelayakan sebagai pengendali penjana sinaran pergigian tertakluk kepada kategori berikut:

3.1.1 Pengamal Pergigian Berdaftar

- i. Pengamal Pergigian Berdaftar merujuk kepada pengamal yang didaftarkan dan mempunyai perakuan pengamalan di bawah Akta Pergigian 2018 [Akta 804] sama ada sebagai seorang pakar pergigian ataupun doktor pergigian.
- ii. Pengamal Pergigian Berdaftar layak mengendalikan penjana sinaran pergigian jenis intraoral.
- iii. Untuk pengendalian penjana sinaran pergigian jenis *Orthopantomogram* (OPG) dan *Cone Beam Computed Tomography* (CBCT), Pengamal Pergigian Berdaftar hendaklah menjalani latihan dari institusi latihan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Kesihatan (KPK). Keperluan ini dikecualikan kepada pakar pergigian berdaftar dalam bidang Radiologi Mulut dan Maksilofasial.

Nota: Institusi latihan yang diiktiraf oleh KPK merujuk kepada institusi yang menawarkan latihan berdasarkan silibus serta jumlah jam latihan yang ditetapkan oleh KKM.

3.1.2 Ahli Radiografi Diagnostik Berdaftar

- i. Ahli Radiografi Diagnostik berdaftar merujuk kepada personel yang berdaftar dan mempunyai perakuan amalan di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774].
- ii. Ahli Radiografi Diagnostik berdaftar layak untuk mengendalikan penjana sinaran pergigian jenis intraoral, OPG dan CBCT.

3.1.3 Juruterapi Pergigian Pascaasas

- i. Juruterapi pergigian pascaasas merujuk kepada pengamal yang berdaftar dan mempunyai perakuan pengamalan di bawah Akta Pergigian 2018 [Akta 804].
- ii. Juruterapi pergigian pascaasas hanya dibenar untuk mengendalikan penjana sinaran pergigian jenis intraoral.
- iii. Kurikulum pengajian bagi pascaasas berkenaan perlu mempunyai komponen pengendalian penjana sinaran pergigian, ciri-ciri keselamatan sinaran dan aspek penterjemahan imej (interpretation of image).
- iv. Pengendalian penjana sinaran pergigian oleh juruterapi pergigian pascaasas perlu diselia oleh seorang Pengamal Pergigian Berdaftar.

3.1.4 Pembantu Pembedahan Pergigian atau setara

- i. Pembantu Pembedahan Pergigian atau setara hanya layak mengendalikan penjana sinaran pergigian jenis intraoral dengan syarat mengemukakan bukti latihan berkaitan kaedah pengendalian penjana sinaran berkenaan dan ciri-ciri keselamatan sinaran dari institusi yang diiktiraf oleh KKM.
- ii. Pembantu Pembedahan Pergigian atau setara perlu diselia oleh seorang Pengamal Pergigian Berdaftar.

4. PENGENDALIAN PENJANA SINARAN PERGIGIAN JENIS PEGANGAN TANGAN (HAND-HELD)

- 4.1 Bagi pengendalian penjana sinaran pergigian jenis pegangan tangan, hanya personel berikut yang dibenarkan untuk mengendalikannya:
- i. Pakar Pergigian Forensik;
 - ii. Pakar Pergigian Penjagaan Khas;
 - iii. Ahli Radiografi Diagnostik.
- 4.2 Pengendalian penjana sinaran pergigian jenis pegangan tangan tertakluk kepada skop penggunaan mengikut Surat Pekeliling KPK Bil. 25/2025 dan hendaklah mengikut protokol keselamatan radiasi tambahan dengan mempertimbang faktor risiko klinikal.

5. RUJUKAN

- 5.1 Akta Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*]
- 5.2 Akta Pergigian 2018 [*Akta 804*]
- 5.3 Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [*Akta 774*]
- 5.4 Garis Panduan Permohonan Pendaftaran Kemudahan Sinaran Mengion Bagi Perkhidmatan Radiologi (Perubatan, Pergigian Dan Veterinar di Fasiliti Kerajaan)
- 5.5 Garis Panduan Permohonan Lesen Bagi Kemudahan Sinaran Mengion Dalam Perkhidmatan Radiologi Di Fasiliti Perubatan Swasta Termasuk Fasiliti Perubatan Universiti Di Bawah Akta 304
- 5.6 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 25/2025: Keperluan Penggunaan Kelengkapan Sinar-X Berkuasa Kurang Atau Melebihi 11 kiloWatt (kW) Untuk Tujuan Radiografi Am Di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*]

6. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua fasiliti pergigian awam dan swasta di Malaysia.

7. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 31 Tahun 2010 adalah terbatal.

8. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dipatuhi sehingga suatu pindaan, pembatalan atau penggantian dimaklumkan kemudian.

9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3-4 Blok E3 Parcel E Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel: 03-88924727

10. PENUTUP

YBhg. Dato' Sri/Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)